

Nasyid UPM Juara Peringkat IPT



Kumpulan Nasyid Nahwan Nur setelah dinobatkan sebagai juara Festival Nasyid Kemerdekaan Institut Pengajian Tinggi Kebangsaan 2008.

KANGAR, 29 Ogos – Kumpulan Nasyid Nahwan Nur di bawah naungan Unit Seni Budaya dan Kreatif, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia telah mempertahankan kejurnaan kali ketiga berturut-turut pada Festival Nasyid Kemerdekaan Institut Pengajian Tinggi Kebangsaan 2008/1429H kali kelima.

Kumpulan itu yang mempersembahkan dua lagu ciptaan sendiri bertajuk "Wacana Merdeka" dan "Cemerlang Akhlak Sahsiah Terpuji" membawa pulang wang tunai RM2,500 bersama piala pusingan Tuanku Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Mereka turut muncul sebagai pemenang persembahan terbaik yang menawarkan wang tunai RM500 dan piala iringan pada festival yang berlangsung di Dewan Capitol UniMAP di sini.

Hadiyah telah disampaikan oleh Exco Kerajaan Negeri Perlis, Japri Othman yang mewakili Menteri Besar.

Kumpulan nasyid tuan rumah pula mendapat tempat kedua sementara pasukan dari Universiti Malaysia Sarawak menduduki tempat ketiga.

Antara kumpulan yang turut menyertai festival itu ialah dari Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Teknologi Petronas.

Ketua delegasi UPM, Mohd. Isnain Ali dari Unit Seni Budaya dan Kreatif BHEP ketika mengulas kejayaan itu berkata ia adalah hasil rentetan daripada aktiviti mencungkil bakat baru melalui Festival Nasyid Interkolej (FESNIK) UPM.

Oleh BHEP & Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia